


مسجد جامع بندر بارو سري قناليغ

جالن 3/149J ، بندار بارو سري قناليغ، 57000 كوالا.لقفور، مليسيا

Tel: 03 - 9057 0162



13 Februari 2009
Jawatankuasa Keselamatan Penduduk Zon L,
c/o Encik Eng Chai Heng
Jalan 11/149J, Seri Petaling
57000 Kuala Lumpur

Tuan,

PERKARA: POS PENGAWAL KESELAMATAN DI ZON L, JALAN 149J, SERI PETALING

Merujuk kepada perkara diatas, pihak pengurusan Masjid Jamek Seri Petaling dengan sukacitanya ingin merakamkan sokongan dan persetujuan kepada Jawatankuasa Keselamatan Penduduk Zon diatas untuk memulakan perkhidmatan pos pengawal keselamatan (Security check-post) disemua jalan masuk dan keluar di Zon tersebut.

Pihak Masjid tidak ada sebarang bantahan keatas perkhidmatan pos pengawal keselamatan kerana pihak kami menghargai sumbangan penduduk Zon ini untuk meningkatkan tahap keselamatan di kawasan Zon ini dengan usaha mereka.


Pihak Masjid juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Keselamatan Zon diatas kesudian mereka berbincang dan mendengar pandangan pihak Masjid sebelum melaksanakan aktiviti keselamatan di Zon ini.

Dengan memulakan pos pengawal keselamatan ini; semua penduduk di Zon ini akan mendapat faedah, termasuk semua jemaah masjid yang datang menunaikan solat; penduduk kuarters masjid serta pihak masjid sendiri. Untuk makluman; kawasan stor masjid ini juga pernah di masuki pencuri sebelum ini.

Memandangkan inisiatif usaha pencegahan ini akan membawa kebaikan bersama kepada masyarakat setempat serta tetamu, pihak Jawatankuasa Masjid menyokong dan akan memberi kerjasama sepenuhnya bila diperlukan.

Terima kasih.

Yang berusaha,


Ketua Keselamatan,
Masjid Jamek,
Bandar Baru Seri Petaling,
57000, Kuala Lumpur.

Pengerusi, MJSP
Setiausaha, MJSP